KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	12.07.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPSM			

BH Selasa, 12 Julai 2022 Nasional

Tragedi banjir di Baling

Arahan hanya hentikan tanaman pokok baharu

JPSM bertindak atas perintah diterima, teruskan aktiviti penyelenggaraan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Arahan diterima Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pada 2020 berkaitan status projek ladang durian Musang King di Gunung Inas, Baling, Kedah, bukannya penutupan terus operasi ladang.

Menjelaskan demikian, Ketua Pengarah JPSM, Datuk Mohd Ridza Awang, berkata arahan diterima daripada kerajaan Kedah ketika itu hanya menghentikan penanaman baharu pokok durian di ladang berkenaan dan itu yang dikuatkuasakan pihaknya sejak dua tahun lalu.

Beliau juga menafikan dakwaan kerja menanam pokok durian di lokasi itu diteruskan selepas arahan pemberhentian penanaman baharu dikeluarkan pada Julai 2020, sebaliknya hanya penyelenggaraan terhadap tanaman sedia ada yang dilakukan sehingga kini.

"Mana boleh tamat (tutup) serta-merta kerana pastinya ada kontrak antara dua pihak. Selepas arahan (pada 2020) dikeluarkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Noor, memang tiada kerja penanaman baharu.

"Arahan pemberhentian penanaman baharu dibuat pada 2020 dan tahun lalu, pengarah Jabatan Perhutanan Kedah juga mengeluarkan surat ulangan arahan itu kepada pemaju yang turut membabitkan beberapa arahan lain.

"Hanya penyelenggaraan pokok durian yang sudah ditanam dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan sejak tempoh itu (Julai 2020) sehingga sekarang, iaitu rawatan pembajaan terhadap pokok, cuci keliling pokok dan pembersihan ladang," katanya kepada *BH* semalam.

Mohd Ridza menjelaskan, hanya 20 peratus daripada keseluruhan keluasan diluluskan untuk projek pembangunan Ladang Rakyat di kawasan tanah tinggi itu ditanam dengan spesis buah-buahan dan penanaman baharu sudah tidak dibenarkan.

Muhammad Sanusi sebelum ini menafikan pentadbirannya terbabit dalam ladang durian itu yang dikaitkan dengan tragedi banjir lumpur dan kepala air di Kupang pada Isnin minggu lalu, sebaliknya menyalahkan kerajaan negeri terdahulu di bawah pimpinan Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Mukhriz pula menegaskan, penebangan pokok di Hutan Simpan Gunung Inas dimulakan kerajaan negeri pimpinan PAS, antara 2008 hingga 2013 melalui pembangunan Ladang Sejahtera.

Pembangunan projek ladang itu dirintis ketika Kedah ditadbir PAS bagi tempoh 2008 hingga 2013 diketuai Allahyarham Tan Sri Azizan Abdul Razak. BN kemudian mengambil alih pentadbiran di bawah pimpinan Mukhriz (2013-2016) dan kemudian, Datuk Seri Ahmad Bashah Abu Hanifah (2016-2018).

Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 2018, Pakatan Harapan (PH) berjaya menawan Kedah dan Mukhriz kembali menjadi Menteri Besar mewakili BERSATU yang ketika itu komponen PH sebelum PAS mentadbir semula dengan diketuai Muhammad Sanusi di bawah Perikatan Nasional (PN).

> "Selepas arahan (pada 2020) dikeluarkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Noor, memang tiada kerja penanaman baharu"
>
> ***Mohd Ridza Awang,***
> *Ketua Pengarah JPSM*



Terima permohonan bulan lalu

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, berkata belum ada keputusan dibuat terhadap permohonan pemaju ladang durian di Gunung Inas untuk menukar komponen tanaman daripada getah kepada durian yang diterima JAS bulan lalu.

Memaklumkan demikian kepada BH semalam, beliau menegaskan, sehingga keputusan berhubung permohonan itu dikeluarkan, tiada penanaman baharu durian sepatutnya diteruskan di kawasan terbabit.

"JAS sedang teliti permohonan berkenaan kerana baru terima permohonan itu bulan lalu. Proses penelitian perlu dilaksanakan bersama jawatankuasa penilaian teknikal kajian impak alam sekitar (EIA) sebelum keputusan dibuat.

"Setakat ini, belum ada keputusan (lulus atau tidak), tapi saya fikir dalam masa terdekat, keputusan mengenai permohonan itu perlu dibuat," katanya yang kelmarin mengesahkan laporan EIA diluluskan pada Julai 2013 untuk projek di gunung berkenaan, sama sekali tiada kaitan tanaman durian.

Sebaliknya, EIA diluluskan ketika itu membabitkan pembangunan ladang hutan yang mengandungi tiga komponen, iaitu pembalakan, silvikultur dan tebang habis untuk tujuan penanaman getah klon balak serta pembangunan hutan 'mono-crop forest plantation' bagi penghasilan kayu getah dan lateks.